




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA KEJADIAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD) DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan mengenai situasi terkini penyakit tangan, kaki dan mulut atau “*Hand Foot and Mouth Disease*” (HFMD) di Malaysia.


Pada tahun 2023, sehingga Minggu Epidemiologi (ME) 19 iaitu sehingga 13 Mei 2023, sebanyak 9,822 kes dilaporkan. Walaupun ia lebih rendah berbanding dengan kes yang dilaporkan pada tahun 2022 bagi tempoh yang sama iaitu 31,622 tetapi terdapat **peningkatan kes HFMD dikesan** bermula pada ME18/2023 (tempoh 30 April hingga 6 Mei 2023) melepasi paras purata kebangsaan iaitu 722 kes HFMD seminggu. Pada ME19/2023 (tempoh 7 hingga 13 Mei 2023) pula, bilangan kes telah melepasi paras amaran (*alert*) kebangsaan iaitu 1,150 kes seminggu.



**Rajah 1** Tren kes HFMD di Malaysia mengikut ME tahun 2023


Taburan kes HFMD mengikut negeri:

- Negeri Selangor menyumbang kes tertinggi iaitu 2,443 kes atau 24.9% daripada jumlah keseluruhan kes sehingga 13 Mei 2023;
- diikuti oleh Sabah 1,505 kes (15.3%);
- WPKL & Putrajaya 977 kes (9.9%)
- Johor 915 kes (9.3%);
- Sarawak 750 kes (7.6%); manakala
- negeri-negeri lain melaporkan kes HFMD sekitar atau kurang daripada 700 kes.



**Rajah 2** Bilangan kes HFMD di Malaysia mengikut negeri sehingga ME19/2023

Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah iaitu sebanyak 8,587 kes (87.4%).



**Rajah 3** Bilangan kes HFMD di Malaysia mengikut kumpulan umur sehingga ME19/2023

Kluster HFMD dikira apabila terdapat dua (2) atau lebih kes dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD. Bilangan kes yang dilaporkan bagi setiap kluster adalah kecil iaitu antara dua (2) ke empat (4) kes.

Institusi tempat perhimpunan kanak-kanak merupakan antara tempat yang dilihat sering berlaku penularan HFMD sehingga kadang kala boleh berlaku kluster HFMD. Ini terutamanya jika kebersihan persekitaran tidak dijaga dan kanak-kanak dijangkiti hadir ke institusi.

Sejumlah 273 kluster dilaporkan pada tahun 2023 sehingga 13 Mei, iaitu:

- Sebanyak 170 kluster (62.3%) dengan 675 kes dilaporkan berlaku di taska, tabika, tadika, pra-sekolah dan pusat jagaan harian;
- Manakala selebihnya iaitu 101 kluster (37.0%) berlaku di rumah persendirian; dan
- Dua (2) kluster (0.7%) berlaku di sekolah.

HFMD disebabkan oleh jangkitan virus dalam famili enterovirus. Berdasarkan surveilans enterovirus pada tahun ini, dua (2) virus utama penyebab HFMD dikesan dalam kalangan kes yang sampelnya diambil, iaitu Cocksackie A6 (CA6) dan Cocksackie A16 (CA16). **Tiada kes HFMD yang dilaporkan dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kes kematian HFMD.**

Langkah kawalan dan pencegahan telah diambil oleh KKM untuk mencegah daripada penularan kes HFMD. Antara langkah kawalan yang telah diambil adalah sebagaimana di bawah (data sehingga ME19/2023).

LANGKAH KAWALAN DAN PENCEGAHAN		BILANGAN
Bilangan Premis Diperiksa	Rumah	4,125
	Taska	547
	Tadika	408
	Tabika	209
	Pusat Jagaan	89
	Pra-Sekolah	120
	Sekolah Rendah	156
	Lain-lain	85
	<b>Jumlah</b>	<b>5,739</b>
Bilangan Premis Disinfeksi		4,919
Penutupan Premis (Secara Sukarela)		54
Penutupan Premis (Akta CDC)		113
Pembukaan Premis		89
Persampelan		273
Pendidikan kesihatan		33,405
<i>Town Hall Meeting</i>	Bilangan Sesi	3
	Bilangan Premis Terlibat	294
	Bilangan Kehadiran	518

Berikutan peningkatan kes HFMD, KKM ingin menasihati orang ramai agar mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengawal dan menangani peningkatan kes HFMD ini, iaitu:

1. **Ibu bapa atau penjaga** kepada kanak-kanak yang mempunyai tanda-tanda jangkitan HFMD dinasihati agar:
  - i. tidak membawa anak ke tempat-tempat awam/ sekolah/ taska/ tadika/ pusat asuhan kerana boleh merebakkan jangkitan;
  - ii. mengamalkan budaya mencuci tangan dengan sabun dan air bersih selepas ke tandas, selepas menukar lampin dan selepas menyentuh/ merawat lepuh;
  - iii. membersihkan permainan anak serta lantai rumah termasuk tandas dengan menggunakan larutan campuran klorin; dan
  - iv. memastikan pembuangan lampin pakai-buang dibuat dengan betul.
  
2. **Pengusaha dan pengasuh di taska, tadika dan tabika pula perlu sentiasa:**
  - i. memastikan **kebersihan premis** termasuk peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh kanak-kanak;
  - ii. membuat **saringan di pintu masuk** (*gate keeping*) bagi memastikan kanak-kanak tiada tanda-tanda jangkitan HFMD. Kanak-kanak dengan gejala dinasihatkan untuk tidak hadir ke sekolah bagi mengelakkan jangkitan kepada kawan-kawannya;
  - iii. sentiasa **mengamalkan kebersihan diri** termasuk mencuci tangan selepas menguruskan seorang kanak-kanak sebelum mengendalikan kanak-kanak lain;
  - iv. sentiasa **mengamalkan langkah-langkah pencegahan** penyakit berjangkit termasuk penyakit COVID-19 seperti memakai pelitup muka dan menghadkan pergaulan rapat;

- v. memastikan **lampin pakai-buang** dibuang dalam tong sampah bertutup; dan
  - vi. **melaporkan kluster** HFMD kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan kawalan dan pencegahan.
3. **Pengusaha *indoor playground* dan Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM)** perlu mengambil tindakan berikut;
- i. melakukan saringan di pintu masuk *indoor playground*;
  - ii. membuat pembersihan premis dan basmi kuman alatan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari;
  - iii. meletakkan papan peringatan/ poster berkaitan risiko jangkitan HFMD di pintu masuk *indoor playground*; dan
  - iv. menyediakan kemudahan cuci tangan atau *hand sanitiser* di pintu masuk *indoor playground*.

KKM akan terus menjalankan langkah pencegahan dan kawalan penyakit HFMD. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai HFMD di portal MyHealth KKM.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

20 Mei 2023